



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
Mesra, Cepat & Tepat

KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



PjKita



smartpj

BIL. 1/2019

• : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

: 03-7958 2695

: media@mbpj.gov.my

PERCUMA



Berita Penuh MS. 3

## MBPJ RANGKUL ANUGERAH PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PRIHATIN 2018



### ➤ ANUGERAH BANGUNAN HIJAU

Sebanyak enam buah bangunan komersial dan enam buah bangunan kediaman bertingkat di Petaling Jaya telah menerima Anugerah Bangunan Hijau di bawah Program Bangunan Ceria.

Berita Penuh MS. 05



### ➤ JOM SHOPPING PERALATAN SEKOLAH

Seramai 50 orang penerima bantuan PPKB telah menerima baucar bernilai RM 300.00 untuk membeli peralatan sekolah seperti uniform sekolah, kasut, alat tulis serta lain-lain keperluan.

Berita Penuh MS. 10



## Sidang Redaksi

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya pjcitycouncil pjkita smartpj

PENAUNG  
Dato' Mohd Azizi Bin Mohd Zain

PENASIHAT  
Johary Bin Anuar  
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG  
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN  
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar  
Muhamed Azmi Bin Yusoff  
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN  
Nur Mazliyana Edurar Binti Mazelan  
Mohammad Shah Bin Badlishah  
Nadhirah Binti Suboh (Praktikal)

JURU GAMBAR  
Rusdi Bin Mohammed Halik  
Intan Khairana Binti Md. Zali  
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK  
Shamsul Bahrin Bin Abdul Mutalib  
Badrul Hisham Bin A Bakar  
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN  
HANTARKAN KEPADA  
Unit Komunikasi Korporat  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
Tel: 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206  
Fax: 03-7958 2695 Email: media@mbpj.gov.my



# PROGRAM PASUKAN KESELAMATAN KEJIRANAN PETALING JAYA (PKKPJ)

PETALING JAYA

MOHAMMAD FAIZAL MUSTAFFA

mohammadfaizal@mbpj.gov.my

Program Pasukan Keselamatan Kejiranans Petaling Jaya yang berkonsepkan penglibatan awam/komuniti "public engagement" adalah merupakan inisiatif Majlis ke arah menangani isu-isu keselamatan setempat serta melestarikan kehidupan penduduk di Petaling Jaya.

Program PKKPJ telah memberikan impak perlaksanaan yang baik seiring dengan Pelan Induk Keselamatan PJ yang mempunyai empat fokus utama iaitu keselamatan persekitaran, keselamatan infrastruktur, keselamatan digital dan pengurusan penguatkuasaan/keselamatan.

Pada tahun 2018, Majlis telah memberi sumbangan peruntukan RM 6,000.00 kepada 170 permohonan Pasukan Keselamatan yang terbahagi kepada 102 Persatuan Penduduk (RA), 43 Rukun Tetangga (RT) dan 25 Badan Pengurusan Bersama (JMB).

Di samping itu, Majlis juga telah memberikan bayaran tambahan insentif khas (one-off) sebanyak RM1,000.00 kepada 150 RA, RT dan JMB yang terpilih sebagai imbuhan dan keprihatinan Majlis bagi memastikan RA, RT dan JMB terus aktif dan komited melaksanakan program rondaan dan aktiviti keselamatan komuniti setempat.

Bagi memantapkan usaha dan perlaksanaan program PKKPJ yang lebih baik, dengan memenuhi 17 Sustainable Development Goals (SDG) yang menjadi teras ke arah mencapai Sustainable City 2030, pihak Majlis telah peruntukan RM 1.3 juta bagi tahun 2019 untuk sumbangan kepada RA, RT dan JMB yang layak serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Sehubungan itu, Majlis dengan ini mempelawa semua RA, RT dan JMB dalam kawasan pentadbiran Petaling Jaya yang layak dan memenuhi syarat/kriteria yang ditetapkan untuk membuat permohonan peruntukan bagi tahun 2019 secara atas talian melalui portal PKKPJ di pautan <http://pkkpj.mbpj.gov.my> mulai 31 Januari 2019 sehingga 28 Februari 2019. Pihak RA, RT dan JMB boleh melayari laman sesawang Majlis di <http://www.mbpj.gov.my> untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan manual penggunaan Portal PKKPJ ini.

Penggunaan portal PKKPJ ini telah bermula pada tahun 2018 dan telah ditambah baik pada tahun 2019 untuk memastikan semua proses permohonan, pengesahan Ahli Majlis, sokongan pihak PDRM ini dibuat sepenuhnya secara atas talian tanpa menggunakan borang (paperless) termasuklah pelaporan program oleh pihak RA, RT dan JMB.



## PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Azizi Mohd Zain  
Datuk Bandar  
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Johary Anuar  
Timbalan Datuk Bandar  
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

Hjh. Sharipah Marhaini Syed Ali  
Timbalan Setiausaha/Pengarah,  
Jabatan Perancangan  
Pembangunan  
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid  
Pengarah,  
Jabatan Khidmat Pengurusan  
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah  
Pengarah,  
Jabatan Perbendaharaan  
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Shafie  
Pengarah,  
Jabatan Kejuruteraan  
Tel : 03-7958 7663

Datin Sr. Amreeta Kaur  
A/p Pretham Singh  
Pengarah,  
Jabatan Penilaian Dan  
Pengurusan Harta  
Tel : 03-7955 2428

Aznan Hj. Hassan  
Pengarah,  
Jabatan Pembangunan  
Kemasyarakatan  
Tel : 03-7960 3293

Hamidah Hj. Ariffin  
Pengarah,  
Jabatan Kawalan Bangunan  
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Zuraidah Sainan  
Pengarah,  
Jabatan Landskap  
Tel : 03-7804 8906

Mohd Fauzi Maarop  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan  
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Hj. Shamsudin  
Pengarah,  
Jabatan Pelesenan  
Tel : 03-7960 4513

Mahzurah binti Mohd Amin  
Penolong Pengarah Kanan,  
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan  
Dan Persekitaran  
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan  
Pengarah,  
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal  
Dan Pembersihan Awam  
Tel : 03-7954 1440

Samsul Bahari Nonchi  
Pengarah,  
Unit Teknologi Maklumat  
Tel : 03-7955 2553

Haniza Abdul Hamid  
Pengarah,  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Mohd Isa  
Pengarah,  
Unit Audit Dalam Dan Integriti  
Tel : 03-7957 1319

Norzita Mokhtar  
Pengarah,  
Unit Perundungan  
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong  
Pengarah,  
Unit Pusat Setempat (OSC)  
Tel : 03-7954 1725

Jayanthi A/p Kupusamy  
Pengarah,  
Unit Pesuruhjaya Bangunan  
(COB)  
Tel : 03-7960 2055

Pejabat Cawangan  
Petaling Jaya Utara  
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,  
Prestij Kota Damansara,  
47310 Petaling Jaya, Selangor.  
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /  
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /  
03-6143 5942



# ANUGERAH PIHAK BERKUASA TEMPATAN (PBT) PRIHATIN 2018

PUTRAJAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah merangkul Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin 2018 Peringkat Majlis Bandaraya yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya Kebangsaan 2018 yang disambut di seluruh dunia pada 3 Disember setiap tahun. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada 5 November 2018 yang lalu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Anugerah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Prihatin 2018 pada tahun 2018 ini merupakan kali ketiga bagi Majlis setelah dianugerahkan pada Tahun 2014 dan Tahun 2017. Kriteria utama yang merupakan kelebihan MBPJ ialah dalam menyediakan kemudahan awam dan persekitaran yang mesra OKU berdasarkan konsep reka bentuk sejagat termasuklah di taman awam, bangunan seliaan Majlis, infrastruktur iaitu di laluan pejalan kaki dan perhentian bas, perkhidmatan bas percuma mesra OKU dan van transit OKU di seluruh Petaling Jaya.

Majlis juga telah memenuhi dan mengaplikasikan peruntukan-peruntukan akta dan undang-undang melibatkan golongan sasar ini. Antaranya Majlis telah menubuhkan

Jawatankuasa Teknikal Reka Bentuk Sejagat dan Aksesibiliti di Petaling Jaya, menyediakan Pelan Tindakan Reka Bentuk Sejagat, menubuhkan *Universal Design Team*, menambah baik SOP bagi pematuhan aspek reka bentuk sejagat bagi setiap pembangunan di Petaling Jaya, menjalankan Audit Akses bagi pemajuan baru sebelum CCC dan bangunan-bangunan sedia ada secara berkala, menyediakan Pelan Induk Reka Bentuk Sejagat 2017-2030, mengiktiraf bangunan bercirikan UD melalui *Universal Design Award* dan yang terkini adalah *Universal Design Dashboard* di bawah projek Smart City.

Setiap perancangan dan pembangunan di Petaling Jaya mengambil kira keperluan OKU di mana Majlis telah menyemak sebanyak lebih 500 pemajuan sejak tahun 2008. Setiap pemajuan yang telah siap dibina perlu mendapatkan pengesahan pematuhan *Universal Design* sewaktu proses CCC bagi memastikan kemudahan ini dilaksanakan mengikut garis panduan dan spesifikasi yang betul berdasarkan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat Petaling Jaya dan pelan sokongan UD.

Selain itu, kelebihan Majlis yang telah dinilai adalah meliputi program-program yang dianjurkan dan turut mengambil kira penyertaan golongan

OKU, kanak-kanak dan warga emas. Program berbentuk sukan seperti *PJ Half Marathon*, Karnival Sukan Para Bandaraya, *Blind Leading The Blind* dan *Car Free Day*, program kebudayaan seperti sambutan perayaan serta program berbentuk ilmiah iaitu Bengkel Audit Akses, *International Conference on Universal Design in the Built Environment (ICUDBE) 2017*, *Universal Design Award* dan pelbagai program lain yang tidak memungkirkan keterlibatan bersama OKU.



Timbalan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sedang memberi ucapan.



Pemenang emas Paralimpik negara, Mohamad Ridzuan Mohamad Puji turut bergambar bersama-sama Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar, Aznan Hij Hassan, Pengarah Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan dan Ahli Majlis MBPJ, Ahmad Akhir Pawan Chik.

# PERMOHONAN PELAN PEMBANGUNAN

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menjalankan permohonan pelan pembangunan melalui OSC Online 3.0 secara sepenuhnya pada tahun 2018. Sebarang keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC turut boleh diakses dan disemak melalui OSC Online. Secara tidak langsung, ianya turut menyumbang penjimatkan percetakan kertas di peringkat Majlis.

Dari segi permohonan, jumlah pelan pembangunan yang diterima bermula awal Januari sehingga 13 Disember 2018 adalah sebanyak 1,351 meliputi Permohonan Serentak, Kebenaran Merancang, Pelan Kejuruteraan dan Pelan Bangunan.

Melalui ini, jumlah permohonan yang telah diselesaikan adalah sebanyak 1,243 permohonan bersamaan dengan 92.01 peratus, di mana permohonan yang selesai dalam piagam adalah sejumlah 1,234 (99.28 peratus). Kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh semua Jabatan Teknikal dalaman maupun luaran memainkan peranan yang sangat penting untuk memastikan pelan permohonan dapat diselesaikan mengikut piagam.

**PEMAKLUMAN**

JABATAN KAWALAN BANGUNAN AKAN MENGGUNAKAN PERMOHONAN KELULUSAN PELAN BANGUNAN/ IKLAN/TELCO MELALUI SISTEM DALAM TALIAN (**ONLINE**) BERKUATKUASA MULAI **10/12/2018**

SEHUBUNGAN DENGAN ITU SEMUA PSP DIKEHENDAKI MENDAFTAR DALAM SISTEM OSC ONLINE SEBELUM PERMOHONAN DITERIMA.

TERIMA KASIH

SILA BUKA PAUTAN [ebuilding.mbpj.gov.my](http://ebuilding.mbpj.gov.my)

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
[pjcitycouncil](http://pjcitycouncil.gov.my) [www.pjkita.my](http://www.pjkita.my)

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

**SEKSYEN 52, 23 JANUARI 2019** - Telah diadakan satu Majlis Penyerahan Surat Tawaran Anugerah Menunaikan Umrah dan Melancong kepada pesara dan bakal pesara yang diadakan di Bilik Gerakan, Ibu Pejabat MBPJ.

Seramai 21 individu telah menerima pemberian tajaan sebanyak RM 6,500.00 bagi tujuan menunaikan umrah dan melancong bagi yang bukan Islam.


Tajaan ini merupakan sebagai insentif Majlis untuk memberi penghargaan kepada pegawai dan kakitangannya yang telah lama berkhidmat dan cemerlang melakukan tugas sepanjang perkhidmatannya.

Majlis penyerahan tajaan itu telah disampaikan oleh Datuk Bandar Petaling Jaya, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain.



Tajaan melancong untuk kakitangan bukan Islam.

## TAJAAJAN UMRAH DAN MELANCONG UNTUK PESARA MBPJ



Datuk Bandar menyerahkan tajaan umrah kepada pesara.



Para Penerima tajaan menunaikan umrah dan melancong bergambar bersama Datuk Bandar, Dato' Mohd Azizi Mohd Zain, Hjh Sharipah Marhaini Syed Ali, dan Mohd Rosnani Hj Hamid.

# ANUGERAH BANGUNAN HIJAU

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN  
abdulhakim@mbpj.gov.my

Antara pemenang atau pemilik bangunan ceria 2018, bergambar kenangan bersama Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Johary Anuar.

Sebanyak enam buah bangunan komersial dan enam buah bangunan kediaman bertingkat di Petaling Jaya telah menerima Anugerah Bangunan Hijau di bawah Program Bangunan Ceria.

Anugerah Bangunan Hijau yang melibatkan enam kriteria utama dalam sistem penarafan Indeks Bangunan Hijau (GBI) itu terdiri daripada kecekapan tenaga, kualiti dalaman alam sekitar, perancangan tapak lestari dan pengurusan, bahan dan sumber, kecekapan air dan inovasi.

Pemenang bagi setiap kategori menerima hadiah sumbangan bernilai RM 2,000.00 berserta sijil.

Pemberian anugerah itu diharap dapat memberi galakan kepada pemain industri dalam kalangan pemaju, arkitek, jurutera, perancang, pereka dan kontraktor untuk mereka bentuk bangunan bercirikan konsep bangunan hijau dan seterusnya melestarikan persekitaran alam sekitar di Petaling Jaya.

Dalam pada itu, MBPJ turut komited menggalakkan penggunaan Sistem Pengumpulan Dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPA)

sebagai usaha untuk melestarikan alam. Pada 13 November 2018 yang lalu, Majlis telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama dengan tujuh buah sekolah untuk pelaksanaannya pada tahun 2019.

Untuk memantapkan lagi usaha, Majlis akan terus memberikan komitmen untuk menjadikan bangunan-bangunan di Petaling Jaya sebagai bangunan mampan. Manakala bagi struktur bangunan lama, ianya akan diceriakan dengan lukisan mural yang memberikan imej baru yang lebih menarik dan selesa untuk dilihat dan dilawati.

MBPJ telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk menaik taraf bangunan kediaman bertingkat di bawah program Indah Smart Selangor (ISS). Dengan peruntukan sebanyak RM 740,753.71 yang diberikan Kerajaan Negeri, Majlis telah menaik taraf bangunan Pangaspuri Damai dengan mengecat semula bangunan tersebut untuk menjadikan imej bangunan yang lebih baik dan selesa kepada komuniti setempat. Ia juga selari ke arah menjadikan bandar raya Petaling Jaya sebuah bandar raya yang lebih berdaya huni dan kondusif menjelang 2030.

## SENARAI PEMENANG ANUGERAH BANGUNAN HIJAU

Kriteria Indeks Bangunan Hijau	Jenis Bangunan Komersial	Jenis Bangunan Kediaman Bertingkat
Kecekapan Tenaga (EE)	Centerstages Services Suite (Block B)	Tropicana Garden - Bayberry
Kualiti Dalaman Alam Sekitar (IEQ)	Menara Obyu (Point 92)	Ara Green
Perancangan Tapak Lestari & Pengurusan (SM)	Menara Obyu (Point 92)	Ara Green
Bahan & Sumber (MR)	Atria (Office Block)	Tnb Quarter
Kecekapan Air (WE)	Avenue De Vouge	Verde @ Ara Damansara
Inovasi (IN)	Dialog Tower	Tropicana Garden - Bayberry

PETALING JAYA

BILIK DENGGI MBPJ

# KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kes demam denggi bagi tahun 2019 sehingga minggu epid 3 adalah sejumlah 369 kes denggi telah dilaporkan. Jumlah ini menunjukkan peningkatan kes sebanyak 214 peratus berbanding tempoh yang sama tahun 2018 dengan 126 kes. Tiada kes kematian dilaporkan setakat ini. Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling pada tahun 2019.

Berikut adalah lokaliti wabak terkini yang dilaporkan. Bilangan kawasan hotspot terkini dilaporkan sehingga 24/1/2019:

- Prima Damansara PJU 10 (Rumah Kedai Jalan PJU 10/9)
- Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok A, B, C)
- Flat Pelangi Damansara PJU 6 (Blok D, E, F)
- SS 2 (1)
- SS 2 (2)
- SS 3 Teres C
- PJS 10 (Teres A : Jalan PJS 10/1, 10/3, 10/5-10/8, 10/10)
- Flat Desa Mentari PJS 5 (Blok 7 & 8)
- Flat Desa Ria PJS 5
- Flat Desa Mentari PJS 6 (Blok 1, 2, 3)
- Mentari Court PJS 8
- APT Medan Cahaya PJS (Blok A-H)
- Taman Medan PJS 2C (Teres D Jalan PJS 2C/11, 2C/28, 2C/2)
- Flat Desa Mentari PJS 2D (Blok 11)
- APT Suria PJS 3
- Flat Desa Perangsang PJS 3 (Blok A & B)

## PROGRAM SEDAR

Sejak tahun 2014, sebanyak 238 pasukan SEDAR telah ditubuhkan sehingga kini. Pada tahun 2019, sebanyak 5 pasukan SEDAR komuniti dan 2 SEDAR di Surau Al-Husna, Jalan Medan 23 dan Surau As-Salam Seksyen 14 PJU 5 telah ditubuhkan sehingga minggu Epid 3/2019.



### KAWASAN WABAK DENGGI

# WAGET

JAGALAH KEBERSIHAN KAWASAN PERUMAHAN ANDA  
KEBERSIHAN TANGGUNGJAWAB SEMUA  
Musnahkan Tempat-tempat Pembibitan  
**Nyamuk Aedes**

Bersama-sama Dengan MBPJ  
Untuk Menghapuskan Nyamuk Aedes



Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Dan Persekitaran  
Tel : 03-7955 2381 / 03-7956 2939



## PENGURUSAN ADUAN DI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 2018

PETALING JAYA

AHMAD HAFIZ AHMAD RAZIF

ahmadhafiz@mbpj.gov.my

Pada tahun 2018, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menerima sejumlah 16,113 aduan, iaitu pengurangan sebanyak 11% daripada jumlah penerimaan aduan pada tahun 2017 dengan jumlah pengurangan sebanyak 1,772 aduan. Pada tahun 2018, terdapat peningkatan peratusan penerimaan aduan terutama aduan-aduan melibatkan kerosakan infrastruktur dan tindakan penguatkuasaan dengan peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun 2017.

Selain itu, bermula dari tahun 2014 sehingga kini, Majlis telah membahagikan aduan kepada empat kategori aduan mengikut tahap keseriusan aduan bermula daripada KAT 1 hingga KAT 4. Mengikut rekod sepanjang tahun 2018, aduan bagi KAT 3 merekodkan jumlah penerimaan aduan tertinggi dengan jumlah penerimaan sebanyak 8,890 aduan, peningkatan sebanyak 12% berbanding tahun 2017. Walau bagaimanapun, peratusan tindakan penyelesaian aduan bagi KAT 1 dan KAT 2 merekodkan peningkatan dengan purata 80% hingga 90% mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Bagi tindakan penyelesaian aduan bagi tahun 2018, peratus tindakan penyelesaian aduan menunjukkan peningkatan terutama dengan peratusan aduan selesai sebanyak 85% daripada jumlah keseluruhan aduan. Aduan melibatkan tindakan penguatkuasaan merekodkan tindakan penyelesaian tertinggi

dengan peratus penyelesaian aduan sebanyak 100%.

Selain itu, aduan kerosakan infrastruktur juga merekodkan peningkatan dengan peratus aduan selesai 85%. Ini menunjukkan Majlis amat komited dalam menyelesaikan aduan-aduan awam yang diterima terutama yang melibatkan keselamatan penduduk.

Di samping itu, Indeks bagi Tahap Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2018 telah mencapai gred cemerlang dan baik dengan jumlah skor keseluruhan sebanyak 95%. Kepantasan memberi maklum balas penerimaan aduan dan kebolehcapaian terhadap perkhidmatan aduan MBPJ merekodkan jumlah skor tertinggi dengan purata markah antara 95% hingga 98%.

Selain itu, daripada 13 saluran aduan yang disediakan, saluran lawan sesawang dan telefon merekodkan jumlah penerimaan aduan tertinggi dengan jumlah penerimaan masing-masing 8,954 aduan bagi laman sesawang dan 4,976 aduan bagi telefon.

Majlis melalui Unit Teknologi Maklumat telah membangunkan sistem eAduan MBPJ baru. Sistem eAduan MBPJ ini lebih mesra pengguna dengan fungsi "live map" bagi memudahkan pengguna dalaman dan luaran menyalurkan aduan serta memudahkan kakitangan di lapangan mengambil tindakan.

Sistem ini juga dibangunkan bersama-sama aplikasi mudah alih atau "mobile apps" yang interaktif dan mesra pengguna selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menuju ke arah "Smart Selangor". Pembangunan sistem eAduan MBPJ dijangka selesai pada awal tahun 2019.

Secara keseluruhan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya amat komited memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan khususnya penduduk Petaling Jaya dalam menyelesaikan aduan-aduan awam demi memastikan kesejahteraan dan kelestarian Petaling Jaya.

**Sistem eAduan MBPJ ini lebih mesra pengguna dengan fungsi "live map" bagi memudahkan pengguna dalaman dan luaran menyalurkan aduan serta memudahkan kakitangan di lapangan mengambil tindakan. Sistem ini juga dibangunkan bersama-sama aplikasi mudah alih atau "mobile apps" yang interaktif dan mesra pengguna selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri menuju ke arah "Smart Selangor".**



**ADUAN AWAM**  
**PUSAT PANGGILAN ADUAN**  
**03-79542020**

**"MESRA, CEPAT & TEPAT"**  
**"Kualiti Keutamaan Kami"**

[eps.mbpj.gov.my](http://eps.mbpj.gov.my)

[MBPJ Aduan](#)

**03 - 7955 1804**

[aduan@mbpj.gov.my](mailto:aduan@mbpj.gov.my)



Inisiatif penarafan bintang ini akan menggalakkan persaingan yang sihat antara JMB/MC untuk meningkatkan kualiti pengurusan, sistem penyampaian perkhidmatan dan juga mewujudkan hubungan yang erat antara JMB/MC dan MBPJ.



Para Penerima Anugerah Pelbagai Kategori bergambar bersama-sama Timbalan Datuk Bandar, Johary Anuar dan

# 72 JMB/MC DI PETALING JAYA TERIMA ANUGERAH

PETALING JAYA

MOHAMED AZMI YUSOFF

azmiyusoff@mbpj.gov.my

**JALAN YONG SHOOK LIN, 30 NOVEMBER 2018** - Sebanyak 72 Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC) di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menerima anugerah penarafan bintang bagi penilaian kualiti pengurusan bangunan berstrata JMB/MC 2018. Daripada jumlah tersebut sebanyak 14 JMB/MC mendapat penarafan lima bintang, 34 memperoleh empat bintang dan 24 JMB/MC dianugerahkan tiga bintang.

Penganugerahan ini merupakan julung-julung kali diadakan bagi memberi pengiktirafan kepada JMB/MC di Petaling Jaya yang menjalankan tugas dengan cemerlang dalam pengurusan organisasi, kewangan, pengurusan penyenggaraan, pengurusan keselamatan dan risiko dan penglibatan komuniti serta kesejahteraan penduduk.

JMB/MC ini merupakan penerima-penerima anugerah yang telah disenaraikan pendek daripada sebanyak 256 JMB dan 312 MC yang terdapat di Petaling Jaya (data sehingga 31 Oktober 2018). JMB/MC yang dipilih ini mencatatkan pencapaian antara tiga hingga lima bintang dengan markah 70-79% untuk

tiga bintang, 80-89% empat bintang dan 90% ke atas memperolehi lima bintang.

Antara aspek yang dinilai dalam penganugerahan bintang ini ialah usia JMB/MC yang telah mencapai lebih tiga tahun, tidak pernah gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan (AGM) setiap tahun, tidak pernah gagal menghantar laporan akaun beraudit setiap tahun dan memberi komitmen serta bergiat aktif dalam program-program anjuran Unit Pesuruhjaya Bangunan MBPJ, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Inisiatif penarafan bintang ini akan menggalakkan persaingan yang sihat antara JMB/MC untuk meningkatkan kualiti pengurusan, sistem penyampaian perkhidmatan dan juga mewujudkan hubungan yang erat antara JMB/MC dan MBPJ.

Untuk memantapkan lagi peranan yang dimainkan oleh JMB/MC, MBPJ bersama-sama KP KT dan LPHS telah menyusun atur beberapa program seperti bantuan geran KP KT berjumlah RM10,000, bantuan khusus

kepada pangaspuri kos rendah seperti skim ceria, smart lif, skim seroja, kitar strata dan sebagainya oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Di peringkat MBPJ pula, pihak Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) menyediakan peruntukan sebanyak RM20,000 setahun untuk membantu JMB/MC kos rendah membeli atau menaik taraf peralatan pejabat dengan nisbah perkongsian 50:50 dan juga bantuan sebanyak RM6,000 setahun untuk aktiviti Pasukan Keselamatan Kejiraninan Petaling Jaya (PKKPJ) di bawah Jabatan Penguatkuasaan.

**JMB/MC, MBPJ bersama-sama KP KT dan LPHS telah menyusun atur beberapa program seperti bantuan geran KP KT berjumlah RM10,000, bantuan khusus kepada pangaspuri kos rendah seperti skim ceria, smart lif, skim seroja, kitar strata dan sebagainya oleh Kerajaan Negeri Selangor.**



Pengarah COB, Jayanthi a/p Kupusamy pada Majlis Penarafan Bintang bagi penilaian kualiti pengurusan bangunan berstrata JMB/MC 2018.

# PROGRAM **JOM SHOPPING**

MEMBANTU GOLONGAN YANG KURANG KEMAMPUAN MEMBELI PERALATAN SEKOLAH



USJ SUBANG JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN  
abdul.hakim@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya komited dalam membantu golongan yang kurang berkemampuan dan bernasib baik yang tinggal di Petaling Jaya. Keprihatinan Majlis ini diterjemahkan melalui program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) "Jom Shopping Peralatan Sekolah" yang telah diadakan di Pasar Raya Besar Mydin USJ Subang Jaya, pada 4 Disember 2018 yang lalu.

Seramai 50 orang penerima bantuan PPKB telah menerima baucar bernilai RM 300.00 untuk membeli peralatan sekolah seperti uniform sekolah, kasut, alat tulis serta lain-lain keperluan. Pemberian sumbangan ini juga bertujuan meringankan beban penduduk yang tidak berkemampuan dengan pendapatan RM2,000 ke bawah serta mempunyai tanggungan anak bersekolah yang ramai. Di

samping itu, program ini merupakan salah satu tanggungjawab dan sumbangan khidmat sosial daripada Majlis kepada komuniti setempat di bawah pentadbirannya.

Kesemua penerima sumbangan ini merupakan penduduk yang berdaftar di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) yang berada di kawasan pentadbiran MBPJ iaitu PPR Kota Damansara, PPR Lembah Subang, Petaling Jaya Selatan (PJS), Desa Mentari dan lain-lain kawasan.

Majlis turut melancarkan Sistem E-Commerce Karung Kitar (<https://www.ppkbmbpj.com/ecommerce>) yang diwujudkan bagi mengembang dan mempertingkatkan jualan produk PPKB serta membolehkan peserta PPKB menjana pendapatan tambahan.

Keprihatinan Majlis ini diterjemahkan melalui program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) "Jom Shopping Peralatan Sekolah". Sumbangan ini juga bertujuan meringankan beban penduduk yang tidak berkemampuan dengan pendapatan RM2,000 ke bawah serta mempunyai tanggungan anak bersekolah yang ramai.

 مجلس بنداری فناوری جايا  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

## KAUNTER BAYARAN CUKAI TAKSIRAN

\* Jika tidak menerima bil cukai taksiran anda boleh mendapatkan salinan bil disini

TEMPAT	TARIKH	MASA
<b>SD 12/1 (Berhampiran Mc Donald's &amp; Petron)</b>	<b>2-8 JANUARI 2019 (RABU KE SELASA)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>SD 2/1G (Berhampiran kedai tayar STH Auto Services Centre)</b>	<b>9-15 JANUARI 2019 (RABU KE SELASA)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>TMN MEGAH, SS24 (Berhampiran Pasar Pagi)</b>	<b>16-23 JANUARI 2019 (RABU KE RABU)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>PJU 10, DAMANSARA DAMAI (Berhampiran Mc Donald's &amp; Stesen Minyak Shell)</b>	<b>24-31 JANUARI 2019 (KHAMIS KE KHAMIS)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>SD 2/1G (Berhampiran kedai tayar STH Auto Services Centre)</b>	<b>1-4 FEBRUARI 2019 (JUMAAT KE ISNIN)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>TAMAN MEGAH, SS24 (Berhampiran Pasar Pagi)</b>	<b>7-13 FEBRUARI 2019 (KHAMIS KE RABU)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>SD 2/1 (Berhampiran Mc Donald's &amp; Petron)</b>	<b>14-21 FEBRUARI 2019 (KHAMIS KE KHAMIS)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>
<b>PJU 10, DAMANSARA DAMAI (Berhampiran Mc Donald's &amp; Stesen Minyak Shell)</b>	<b>22-28 FEBRUARI 2019 (JUMAAT KE KHAMIS)</b>	<b>10.00 PG - 3.00 PTG</b>

# PROJEK KARUNG KITAR DAPAT PENGIFTIRAFAN

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR  
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Pada tahun 2016, MBPJ melalui Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan telah mencetuskan satu idea kreatif dan menarik untuk menjadikan kain rentang dan gegantung diguna semula untuk menjadi produk yang bermanfaat dan berkualiti. Projek tersebut dinamakan sebagai Karung Kitar yang diwujudkan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB).

Menerusi projek Karung Kitar, golongan sasaran seperti ibu tunggal, suri rumah telah dilatih untuk menghasilkan produk yang bermanfaat, berkualiti selain dapat menjana pendapatan seperti beg, tikar, apron dan pelbagai lagi. Pusat PPKB ini merupakan inisiatif Majlis untuk membantu pembangunan ekonomi bandar ke arah positif dan mampu dalam meningkatkan kualiti hidup penduduk dan persekitarannya.

Dianggarkan setiap peserta yang menyertai program ini mampu menjana pendapatan tambahan dari RM 500.00 hingga RM 1,000.00 bergantung daripada jumlah tempahan yang diterima. Sehingga kini, seramai 33 orang peserta telah bernaung di dalam PPKB di empat lokasi iaitu:

- » **Pusat Aktiviti, Program Penjanaan Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Tingkat 1, Dewan Serbaguna MBPJ, Jalan Medan 12.**
- » **Pusat Aktiviti, Program Penjanaan Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Unit 116, Blok D, Taman Putra Damai.**
- » **Pusat Aktiviti, Program Penjanaan Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Pondok KRT, Blok3, Taman Dato' Harun.**
- » **Pusat Aktiviti, Program Penjanaan Pendapatan Komuniti Bandar (PPKB) Dewan Komuniti Pjs 6, Jalan PJS 6/1, Kampung Lindungan.**

Pada Tahun 2018, sejumlah 10,405 produk karung kitar telah dihasilkan dengan jumlah hasil jualan diperolehi adalah RM 50,542.00 dan ianya meningkat berbanding tahun 2017 iaitu RM 12,454.00 dengan 3,181 produk karung kitar yang dihasilkan.

Peningkatan hasil itu menunjukkan bahawa projek ini telah mula mendapat perhatian dan sokongan dalam kalangan masyarakat bandar

raya ini sekali gus menyokong usaha Majlis untuk mengurangkan pencemaran alam dan menjadikan persekitaran yang lebih kondusif dan bersih. Selain itu, projek karung kitar juga secara tidak langsung menyokong Kempen Bebas Plastik yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan melalui projek ini juga dijadikan sebagai alternatif kegunaan penduduk setempat.

Projek Karung Kitar telah mendapat pengiktirafan paten inovasi oleh Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO). Lebih menarik, projek Karung Kitar muncul Johan Kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) dan Projek Hibrid Terbaik di Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor 2017.



**Harga Jualan Bagi PASARAN**

Jimat Manfaat Bumi Selamat

<p><b>BEG MEMBELI BELAH BERZIP (20"x6")</b> RM9.00</p>	<p><b>BEG SERBAGUNA (22"x15")</b> RM5.00</p>	<p><b>BEG MEMBELI BELAH TANPA ZIP</b> RM8.00</p>
<p><b>BEG DOBI TANPA ZIP (24"x20")</b> RM9.00</p>	<p><b>BEG DOBI BERZIP (24"x20")</b> RM10.00</p>	<p><b>BEG CENDERAHATI KECIL</b> RM4.00</p>
<p><b>TIKAR &amp; SARUNG</b> RM10.00</p>	<p><b>BEG BOTOL AIR</b> RM4.00</p>	<p><b>BEG CENDERAHATI BERLOGO (10"x13")</b> RM6.00</p>
<p><b>BEG CENDERAHATI TANPA LOGO (10"x13")</b> RM5.00</p>	<p><b>BEG FAIL / FOLDER (13"x10")</b> RM6.00</p>	<p><b>BEG (CLUTCH) (10"x6.5")</b> RM7.00</p>
<p><b>DOMPET PEREMPUAN</b> RM5.00</p>	<p><b>DOMPET LELAKI</b> RM5.00</p>	<p><b>APRON TANPA LOGO (4"x10")</b> RM5.00</p>
<p><b>APRON BERLOGO</b> RM6.00</p>		

**03-79560203 atau 012-252 4045 /  
012-338 7785**

**BAHAGIAN KHIDMAT KOMUNITI DAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN**  
**JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN, MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**

[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) Majlis Bandaraya Petaling Jaya  
[www.ppkb.mbpj.com](http://www.ppkb.mbpj.com) Karung Kitar

## MEMPERKASA DAYA KREATIF DAN INOVASI

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN

abdulhakim@mbpj.gov.my

Perkembangan dan kemajuan sesebuah organisasi dalam mengurus dan mentadbir urus dilihat banyak bergantung kepada beberapa faktor antara lain seperti strategi, struktur dan budaya organisasi berkenaan. Strategi dalam konteks inovasi adalah mencari kaedah dan cara terbaik bagi mencapai matlamat organisasi.

Melaluinya juga, usaha memperkasakan daya kreativiti dan inovasi boleh diterapkan dalam kalangan pekerja agar setiap pekerja berkemahiran dalam menjana idea-idea dan kaedah-kaedah baru yang bersesuaian dengan matlamat dan kehendak sesebuah organisasi.

Usaha pemupukan daya inovasi dalam kalangan penjawat awam merupakan langkah yang perlu dikehodapkan dan diambil positif oleh setiap kakitangan

awam. Pemahaman dan penekanan daya kreativiti di peringkat nasional mahupun global amat penting kerana ia menggalakkan daya saing negara secara sihat.

Dalam menyuburkan daya dan budaya inovasi dan kreativiti ini, ukuran seperti bekerja secara berpasukan dengan penuh integriti dilihat sebagai aspek penting dalam membantu sesebuah organisasi berada dalam skor cemerlang. Sewajarnya, budaya dan cara sebegini tiada titik noktah.

Majlis menyahut usaha untuk memperkasakan dan membudayakan daya inovatif dan kreativiti dalam aspek pengurusan dan teknikal. Usaha setiap jabatan/unit mengadakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) wajar dipuji.

*Usaha pemupukan daya inovasi dalam kalangan penjawat awam merupakan langkah yang perlu dikehodapkan dan diambil positif oleh setiap kakitangan awam. Menyahut usaha untuk memperkasakan dan membudayakan daya inovatif dan kreativiti dalam aspek pengurusan dan teknikal. Usaha setiap jabatan/unit mengadakan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) wajar dipuji.*



**26 JANUARI - 20 FEBRUARI 2019**  
Pendaftaran

**23 - 24 FEBRUARI 2019**  
Saringan 1 (Studio Muzik MBPJ)

**2 & 3 Mac 2019**  
Saringan 2 (Studio Muzik MBPJ)

**30 Mac 2019**  
Peringkat Akhir  
(Dewan Auditorium, MBPJ)

Urusetia :  
BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN  
JABATAN PEMBANGUNAN KEMASYARAKATAN  
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA KOMPLEKS ARENA PJ, JALAN SELANGOR, SEKSYEN 3,  
46050 PETALING JAYA, SELANGOR DARUL EHSAN.

TEL : 03 77810178 Fax : 03 77851849

<http://kotasenipj.mbpj.gov.my>


**PROGRAM SPRING CLEANING ZON 15**

**SEKSYEN 4, 14 JANUARI 2019** - Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon bersama Ahli Majlis Zon 11, En. Thayalan a/l Krishnasamy dan Ahli Majlis Zon 16, En. Terence Tan Teck Seng telah menganjurkan program *Spring Cleaning* bersempena Boghi Ponggal dan Gong Xi Fa Chai 2019. Program ini untuk membersihkan kawasan Pasar Jalan Othman. Terlebih dahulu pada 8 Januari 2018, telah diadakan proses pengedaran notis program dan kalender kepada peniaga pasar.


**NEW YEAR WALKABOUT**

**KELANA JAYA, 9 JANUARI 2019** - Ahli Majlis Zon 22 bersama Ahli Parlimen Petaling Jaya, YB Pn. Maria Chin Abdullah serta wakil penduduk telah mengadakan *New Year Walkabout* di Taman Tasik Bandaran, Kelana Jaya. Para peserta telah mendengar taklimat yang disampaikan wakil dari Jabatan Landskap MBPJ berkenaan kerja-kerja naik taraf taman dan bertukar-tukar maklumat berkenaan kebersihan tasik.


**PROGRAM SUKANEKA RUMAH KASIH SEKSYEN 3**

**SEKSYEN 10, 1 JANUARI 2019** - Pejabat Majlis Zon 15 dan Lembaga Persatuan Perempuan Islam Cawangan Petaling Jaya telah menganjurkan Sukaneka Rumah Kasih yang berlangsung di Taman Tasik Jaya. Acara dimulakan dengan senamrobiik dan disusuli sukaneka untuk kanak-kanak.


**SUMBANGAN BERAS**

**DESA MENTARI, 17 JANUARI 2019** - YM Raja Fairuz Raja Mazlan dan MPP Zon 18 telah menyampaikan sumbangan beras sempena Hari Ponggal kepada kaum India di perumahan blok 9 & 10 Desa Mentari 2, PJS 2. Sumbangan yang tidak seberapa ini sebagai tanda keprihatinan MPP Zon 18 terhadap penduduk.


**AHLI MAJLIS ZON 18 TURUN PADANG**

**TAMAN DATO' HARUN & TAMAN MEDAN, 3 - 6 JANUARI 2019** – Program turun padang ke pasar malam Taman Dato' Harun, Kompleks Pasar Taman Dato Harun dan pasar pagi PJS2D merupakan antara aktiviti Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan untuk mendekati masyarakat. Peluang ini juga digunakan beliau untuk mengedarkan kalender 2019 kepada penduduk.


**PROGRAM KITAR SEMULA**

**SEKSYEN 2, 19 JANUARI 2019** - Bertempat di padang permainan Jalan 2/29 Seksyen 2, Petaling Jaya telah berlangsung program kitar semula anjuran Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon. Program ini untuk memberi kesedaran tentang pentingnya menjalankan aktiviti kitar semula kepada penduduk


**KEJOHANAN BADMINTON TERBUKA**

**KELANA JAYA, 13 JANUARI 2019** - ADN Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar telah merasmikan Kejohanan Badminton Terbuka Zon 22 yang telah berlangsung di gelanggang badminton Dewan D'Kelana. Seramai 82 peserta bertanding dalam lapan kategori yang dipertandingkan.


**BANTUAN BACK TO SCHOOL**

**SS7/8, 6 JANUARI 2019** - Seramai 20 orang pelajar terpilih telah menerima sumbangan bantuan *Back to School* yang telah berlangsung di Masjid Nurul Yaqin, SS7/8. Bantuan telah disampaikan Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar.


**MOSQUE OPEN DAY (MOOD)**

**KELANA JAYA, 2 DISEMBER 2018** - Program Mosque Open Day (MOOD) Masjid Tengku Kelana Putera memberi peluang kepada golongan bukan Islam merasai pengalaman masuk ke dalam masjid dan mendapat maklumat asas berkenaan Islam. Program ini adalah anjuran Ahli Majlis Zon 22, Pn. Rahibah Che Omar dan telah dirasmikan oleh ADN Seri Setia, YB Tuan Halimey Abu Bakar. Pelbagai acara berlangsung seperti *mosque tour, explorace remaja* dan forum yang bertajuk "Siapa Itu Muhammad?"


**GOTONG-ROYONG  
"CELIK KEBERSIHAN PERDANA"**

**PJS 1, 16 DISEMBER 2018** - Bertempat di blok M, Pangsapuri Petaling Perdana telah berlangsung program Gotong-royong "Celic Kebersihan Perdana" bersama MPP zon 17. Program ini dihadiri ADN Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri. Gotong-royong ini untuk mewujudkan kawasan persekitaran yang lebih bersih dan ceria di samping membanteras masalah demam denggi.


**PROGRAM BACK TO SCHOOL ZON 15**

**TAMAN DATO' HARUN, 9 DISEMBER 2018** - Seramai 20 keluarga miskin di Zon 15 telah mendapat manfaat daripada program *Back to School* dengan menerima baucar membeli peralatan sekolah bernilai RM100 bagi setiap keluarga.


**SUNATHON PERDANA 2018 ZON 15**

**SEKSYEN 3, 8 DISEMBER 2018** – Seramai 30 orang kanak-kanak di Zon 15 telah mengambil bahagian dalam program Sunathon Perdana yang telah berlangsung di Dewan Utama, Masjid Jamek Sultan Abdul Aziz. Program ini merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 15, Pn. Ermeemarianna Saadon.


**BAUCAR KEMBALI KE SEKOLAH ZON 7**

**KG. CHEMPAKA, 20 & 29 DISEMBER 2018** - Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng telah menyampaikan sumbangan baucar kembali ke sekolah kepada 235 kanak-kanak di Pangsapuri Damai dan Balai Raya Kg. Chempaka. Sumbangan ini untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan menampung perbelanjaan kembali ke sekolah.


**SAMBUTAN DI AMBANG 2019**

**PETALING PERDANA, 31 DISEMBER 2018** - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik telah merasmikan sambutan di ambang 2019 yang berlangsung di Dewan Komuniti, Persatuan Kebajikan Penduduk Pangsapuri Petaling Perdana. Acara sambutan diisi dengan kejohanan bola jaring dan futsal untuk kategori bawah 12 tahun dan terbuka.


**KHATAN PERDANA 2018**

**TAMAN MEDAN, 8 DISEMBER 2018** - Program Khatan Perdana anjuran bersama Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan dan Masjid Nurul Ehsan telah berlangsung dengan jayanya. Seramai 101 orang kanak-kanak menyertai program ini yang telah dirasmikan ADN Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus Mohamed Supri.


**PENYAMPAIAN BAUCAR BACK TO SCHOOL ZON 18**

**TAMAN DATO' HARUN, 16 DISEMBER 2018** - Seramai 100 keluarga yang terdiri daripada golongan asnaf telah menerima sumbangan baucar bernilai RM100 untuk membeli peralatan kembali ke sekolah. Sumbangan ini untuk meringankan beban keluarga miskin menyediakan keperluan persekolahan menjelang sesi 2019.


**ZIARAH PRIHATIN**

**PJS4, 31 DISEMBER 2018** - Seramai 20 kanak-kanak dari kawasan perumahan PJS4 telah menerima sumbangan berupa beg sekolah yang telah disampaikan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir Pawan Chik. Penyampaian sumbangan ini merupakan salah satu agenda ziarah prihatin bagi mendekati masyarakat dalam kawasan beliau.


**PERTANDINGAN DIKIR PERSAHABATAN TAHUN BARU 2019**

**PJS1, 31 DISEMBER 2018** - Ahli Majlis Zon 17 telah merasmikan acara penutup dan menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan dikir barat persahabatan tahun baru 2019 yang berlangsung di Dataran Anak Muda, Petaling Jaya. Pertandingan ini merupakan anjuran bersama MPP Zon 17 dan Persatuan Dikir Barat Sri Manja.


**PERTANDINGAN BOLING WANITA**

**MUTIARA DAMANSARA, 16 DISEMBER 2018** - Biro Wanita, MPP Zon 22 telah menganjurkan pertandingan boling wanita yang diadakan di Ampang Superbowl@eCurve Damansara. Seramai 46 orang peserta bertanding terdiri daripada wakil penduduk, belia daripada pertubuhan GEMA dan kakitangan MBPJ.


**SAMBUTAN TAHUN BARU DAN PERASMIAN TAMAN SS4B/8**

**SS4B/8, 29 DISEMBER 2018** – Lebih 100 orang penduduk telah menghadiri program sambutan tahun baru dan perasmian Taman SS4B/8. Pelbagai acara diadakan antaranya aktiviti menanam pokok, pameran lukisan dan juga jamuan.


**PENGHARGAAN PASUKAN SEDAR**

**SS25A, 29 DISEMBER 2018** - Satu majlis penghargaan sukarelawan pasukan SEDAR SS25A telah berlangsung secara sederhana untuk mengeratkan hubungan antara ahli. Program ini telah dihadiri ADN Bandar Utama, YB Pn. Jamaliah Jamaluddin dan Ahli Majlis Zon 7, En. Leong Chee Cheng.


**PROGRAM BACK TO SCHOOL ZON 18**

**TAMAN DATO' HARUN, 22 DISEMBER 2018** - Ahli Majlis Zon 18, YM Raja Fairuz Raja Mazlan telah menganjurkan program *Back to School* Zon 18. Program ini yang merupakan edisi kedua di mana penerima menerima baucar yang boleh ditebus untuk pembelian kelengkapan persekolahan di pasar raya terpilih.


**SUMBANGAN BACK TO SCHOOL ZON 1**

**DAMANSARA DAMAI, 22 DISEMBER 2018** – Seramai 700 pelajar terpilih dari kawasan Damansara Damai, Sri Damansara dan Damansara Perdana termasuk anak-anak orang asli dari perkampungan orang asli Desa Temuan telah menerima sumbangan kelengkapan kembali ke sekolah anjuran Ahli Majlis Zon 1, En. Suriase a/Gengiah. Sumbangan ini telah disampaikan Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tn. Johary Anuar.


**KARNIVAL TAHUN BARU CINA BANDAR UTAMA**

**BANDAR UTAMA, 13 JANUARI** - Hampir 400 orang penduduk hadir memeriahkan acara sambutan Karnival Tahun Baru Cina Bandar Utama yang berlangsung di Pusat Komuniti Bandar Utama. Karnival ini merupakan anjuran Ahli Majlis Zon 2, En. Chan Pak Keung yang turut dihadiri Ahli Dewan Negeri Bandar Utama, YB Pn. Jamaliah Jamaluddin dan Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tn. Johary Anuar.



# BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan  
**Mesra, Cepat & Tepat**  
KUALITI KEUTAMAAN KAMI



[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



pjcitycouncil



BIL. 1/2019 • : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my

PERCUMA

## MBPJ A JUARA LIGA BOLING PIALA DATUK BANDAR PETALING JAYA

PETALING JAYA

MOHAMED AZMI YUSOFF  
azmiyusoff@mbpj.gov.my

**B**ANDAR UTAMA, 4 DISEMBER 2018 – Sebanyak 22 pasukan dari dalam dan juga luar Lembah Klang telah menyertai kejohanan Boling Liga Piala Datuk Bandar MBPJ siri ke- 2/2018 yang telah berlangsung selama 21 minggu di Wangsa Bowl, Bandar Utama.

Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tuan Johary Anuar telah menyempurnakan acara penutup seterusnya penyampaian hadiah kepada para pemenang.


Kejohanan kali ini telah dimenangi pasukan MBPJ A membawa pulang wang tunai RM 10,000.00 dan trofi iringan.

Naib johan dimenangi oleh pasukan Hustlers Rise membawa pulang RM 6,000.00 dan trofi iringan manakala tempat ke-3 dimenangi pasukan DSNY B membawa pulang RM 3,000.

Kejohanan ini mendapat sokongan tajaan daripada 100 Plus, Palm Garden Hotel, Berjaya Mega Motors dan AM Boling terutamanya anak syarikat Wangsa Group iaitu Wangsa Bowl yang telah memberi kerjasama penuh kepada Majlis untuk menjayakan kejohanan ini.



Pasukan MBPJ A berjaya membawa pulang wang tunai RM 10,000 berserta trofi.



## NOTIS PEMBERITAHUAN

KENDERAAN DARI ARAH SUNGAI BULOH  
TIDAK DIBENARKAN MEMBELOK KE KANAN KE  
JALAN PJU 10/1 PADA WAKTU PUNCAK (PAGI).

**TARIKH MULA : 1 FEBRUARI 2019  
TARIKH TAMAT : 30 APRIL 2019  
MASA : 7.00 PAGI - 9.00 PAGI**

Jab. Kejuruteraan, MBPJ  
Tel : 03-7958 4221

Hotline MBPJ  
Tel : 03-7954 2020